



Sekumpulan lelaki Taliban bersenjata mengawal lokasi letupan di hadapan kuil Sikh, di Kabul, Afghanistan.

(Foto EPA)

# Daesh dakwa serang kuil Sikh, 2 terbunuh

**Kabul:** Serangan dipercayai dilakukan oleh penganas Daesh ke atas kuil Sikh di ibu negara Afghanistan kelmarin mengorbankan dua orang dan mencederakan tujuh lain.

Pegawai berkata, serangan itu adalah satu lagi insiden maut dalam siri keganasan yang menyasarkan minoriti dan tempat ibadat.

Kumpulan itu menerusi saluran gabungan Telegram, berkata serangan itu sebagai tindak balas terhadap penghinaan yang ditujukan kepada Nabi Muhammad SAW, merujuk kepada kenyataan

seorang jurucakap kerajaan India yang dikutuk oleh majoriti negara Islam.

Jurucakap keselamatan dalam negeri Taliban berkata, penyerang memuatkan bahan letupan ke dalam kereta, bagaimanapun ia meletup sebelum tiba di sasaran.

Pegawai kuil, Gornam Singh, berkata sekurang-kurangnya 30 orang berada dalam bangunan ketika itu.

Jurucakap komander Kabul berkata, dalam serangan itu seorang penganut Sikh dan seorang

daripada kumpulan Taliban terbunuh.

Sejak mengambil alih kuasa Ogos tahun lalu, Taliban berkata, pihaknya meningkatkan keselamatan di Afghanistan dan menghapuskan ancaman militan dari negara itu.

Bagaimanapun, pegawai antarabangsa dan penganalisis, berkata risiko kebangkitan semula militan masih kekal.

Militan Daesh mengaku melancarkan serangan dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

REUTERS